

## BAB 2

### TINJAUAN KAJIAN BERKAITAN

#### 2.1 Pengenalan

Membaca adalah asas pembentukan diri ke arah mendapatkan ilmu pengetahuan. Hal ini selaras dengan perintah membaca dalam ayat pertama yang diwahyukan Allah S.W.T kepada Nabi Muhammad S.A.W;

“ Bacalah dengan nama Tuhanku yang menjadikan manusia  
daripada segumpal darah ”

Ayat ini bermaksud Allah S.W.T telah memerintahkan manusia supaya membaca agar dapat menguasai ilmu yang. Selain itu, membaca juga adalah kunci khazanah ke arah penentuan hidup seseorang, sama ada maju atau mundurnya kehidupan dan pemikirannya. Melalui pembacaan, rakyat di sesebuah negara boleh menjadi lebih matang dan progresif selaras dengan kemajuan negaranya. Kurangnya minat membaca menyebabkan rakyat dalam sesebuah negara itu lemah dalam pelbagai aspek, sama ada dalam aspek pelajaran atau kerjaya. Jelas, antara faktor kelemahan pencapaian pelajar Melayu dalam akademik ialah tidak membaca.

Bab ini akan meninjau kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji terdahulu yang berkaitan dengan aspek kajian minat membaca, sama ada kajian terdahulu yang dijalankan oleh pengkaji luar negara atau pun kajian yang dijalankan oleh pengkaji tempatan.

Perbincangan minat membaca ini akan berkisar kepada kajian terdahulu yang berkaitan dengan:

1. Minat membaca berdasarkan perbezaan daripada segi jantina.
2. Minat membaca berdasarkan pemilihan bahan bacaan
3. Minat membaca berdasarkan tujuan membaca
4. Faktor atau kekangan yang menghalang minat membaca.
5. Minat membaca berdasarkan penggunaan Pusat Sumber atau perpustakaan.

## **2.2 Kajian Lalu Minat Membaca Berdasarkan Perbezaan Daripada Segi Jantina**

Berdasarkan kajian terdahulu mengenai minat membaca, didapati terdapatnya perbezaan minat membaca dari segi jantina. Ini dapat dibuktikan dengan terdapatnya kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji luar negara dan juga pengkaji tempatan. Antara pengkaji ialah, Thorndike (1941) juga telah membuat kajian untuk melihat perbezaan minat antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Di samping itu beliau juga meninjau pemilihan yang dibuat oleh kanak-kanak yang berlainan peringkat kecerdasan. Beliau telah menggunakan 208 orang kanak-kanak dari 2 peringkat kecerdasan iaitu kanak-kanak yang cepat dalam pembelajaran. Hasil dari kajian beliau menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara peringkat kecerdasan kanak-kanak dengan pemilihan buku-buku cerita. Tetapi perbezaan yang signifikan terdapat dalam minat murid berdasarkan jantina. Kanak-kanak lelaki dikatakan lebih meminati cerita-cerita yang berunsurkan keganasan dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan.

dalam minat murid berdasarkan jantina. Kanak-kanak lelaki dikatakan lebih meminati cerita-cerita yang berunsurkan keganasan dibandingkan dengan kanak-kanak perempuan.

Norvell membuat kajian yang besar-besaran terhadap minat membaca pelajar dalam gred tiga hingga enam (1958), dan gred tujuh hingga dua belas (1950). Beliau mendapati perubahan minat membaca adalah pesat pada peringkat sekolah rendah berbanding dengan peringkat sekolah menengah atau menengah tinggi. Beliau juga menyatakan, diperangkatkan sekolah, kematangan dan perbezaan jantina menjadi faktor yang sama pentingnya tetapi apabila pelajar mencapai peringkat sekolah tinggi, faktor yang paling berpengaruh ialah jantina. Mengikut Norvell, dua pertiga daripada buku-buku yang digunakan di peringkat sekolah rendah lebih disukai oleh murid perempuan berbanding dengan murid lelaki.

Mengikut Bloom (1976), minat membaca kanak-kanak terbentuk pada peringkat usia yang awal. Sebelum gred 6 kita dapat meramalkan minat membaca seseorang itu. Malah, terdapat pertalian yang signifikan antara jantina dengan minat membaca pada peringkat usia yang awal, iaitu pada tahap signifikan. 001 dan kanak-kanak perempuan membentuk 67.2% daripada kumpulan minat tinggi dan hanya 34.5% daripada kumpulan minat rendah.

Lian-Hwang Chiu (1973), (dalam Sapiyah Hamid, 1987) yang dijalankan kepada kanak-kanak yang bercampur di antara lelaki dan perempuan. Chiu telah menggunakan sebanyak 10 kategori buku telah diberikan kepada kanak-kanak iaitu jenis cerita pengembaraan, binatang, tokoh, khayalan, jeraka, misteri, puisi, sains, sosial dan sukan. Hasil daripada kajian ini didapati terdapat perbezaan pemilihan bahan-bahan bacaan antara kanak-kanak lelaki dan perempuan. Bidang yang paling digemari oleh kanak-

bacaan antara kanak-kanak yang boleh membaca tinggi dengan kanak-kanak yang boleh membaca rendah tidak terdapat perbezaan yang ketara.

Parker dan Paradis (1984) memperoleh dapatan yang sama seperti di atas. Kajian mereka yang melibatkan 234 pelajar gred 1 hingga 6 mendapati bahawa perbezaan yang signifikan wujud dalam hal jantina, dan kanak-kanak perempuan menunjukkan sikap yang positif terhadap membaca.

Katni (1978) yang menggunakan sampel tempatan mendapati responden lelaki mempunyai minat membaca yang lebih baik. Bilangan buku yang mereka baca juga adalah lebih banyak berbanding dengan responden perempuan. Tetapi kajian Katni dijalankan ke atas penduduk dewasa berbangsa Melayu yang tinggal di kawasan luar Bandar di negeri Selangor. Dapatan yang menyatakan bahawa lelaki mempunyai minat membaca yang lebih baik daripada perempuan ini mungkin disebabkan sampel lelaki dalam kajian Katni mempunyai masa lapang yang lebih banyak berbanding dengan perempuan. Sampel perempuan terutama yang sudah berkahwin mempunyai tanggungjawab dan beban kerja (Chore) yang lebih banyak berbanding dengan lelaki. Oleh itu, dapatan kajian Katni mungkin tidak benar bagi pelajar perempuan sekoiah menengah yang mempunyai beban kerja yang lebih sedikit berbanding dengan lelaki.

Buku Kaji Selidik Tabiat dan Minat Membaca Di Sabah, sediakan oleh Institut Kajian Pembangunan (Sabah) dan Perpustakaan Negeri Sabah, pada tahun 1992. Analisis mengikut jantina menunjukkan bahawa 53.0% responden perempuan ada membaca buku dalam tempoh enam bulan yang lalu mana kala responden lelaki mencatatkan 49.0%.

Berdasarkan sumber dapatan kajian yang telah dijalankan di atas, wujudnya perbezaan minat membaca di kalangan murid lelaki dan murid perempuan, oleh itu kajian

yang akan dijalankan ini cuba melihat sama ada terdapatnya kebenaran kajian lalu yang mengatakan terdapatnya perbezaan minat membaca dari segi jantina, ataupun mungkin disebabkan oleh faktor-faktor samping yang lain.

### **2.3 Kajian Lalu Minat Membaca Berdasarkan Pemilihan Bahan Bacaan**

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdahulu didapati sampel kajian membaca berdasarkan bahan-bahan bacaan tertentu. Kajian yang dijalankan oleh Butterworth (1951), beliau telah membuat kajian ke atas kanak-kanak gred V hingga VII. Kajian Butterworth ini berdasarkan kepada 2 tujuan utama. Pertama, untuk melihat pemilihan komik-komik berdasarkan peringkat umur dan jantina. Kedua, untuk menentukan ciri-ciri komik yang disukai oleh kanak-kanak. Keputusan dari kajian ini didapati isi komik yang digemari oleh kanak-kanak lelaki adalah berunsurkan pengembaraan, sukan dan jenaka, yang mana ceritanya berkisar kepada cerita perang, mata-mata gelap dan cereka sains. Manakala murid-murid perempuan suka kepada cerita-cerita mengenai orang-orang perempuan, percintaan dan jenaka.

Di Singapura, terdapat kajian yang telah dijalankan oleh Unit Latihan Guru mengenai minat membaca kanak-kanak dari darjah 3 hingga darjah 6. Kajian ini telah dijalankan di akhir tahun 1960-an, yang mana melibatkan 48 buah sekolah dari 3 bahasa pengantar iaitu Bahasa Inggeris, bahasa Cina dan bahasa Malaysia. Tujuan kajian ini ialah untuk melihat minat dan kegemaran membaca kanak-kanak di samping penggunaan perpustakaan dan tabiat membeli buku. Keputusannya menunjukkan bahan bacaan yang paling popular ialah surat khabar (75%), komik (50%) dan majalah (30%). Manakala buku-buku yang digemari ialah buku dongeng pari-pari (51%) iaitu untuk kanak-kanak

darjah 3 dan untuk kanak-kanak darjah 4 hingga 6 menggemari cerita-cerita misteri dan detektif.

Smith (1961). Beliau mendapati kanak-kanak lelaki sekolah rendah dan menengah gemar cerita-cerita misteri, pengembalaan, sukan, cereka sains dan komidi. John (1974) dari Universiti Northern Illinois telah membuat satu kajian untuk membuktikan setakat mana berkesannya kajian yang dibuat oleh Emans. Kajian ini bertajuk “ Pemilihan Bahan-bahan Bacaan di Kalangan Kanak-kanak Bandar dari Gred 4 Hingga 6 ”. Objektif kajian ini ialah untuk melihat sama ada kanak-kanak bandar suka atau tidak membaca cerita-cerita yang berlatar belakangkan kehidupan luar bandar atau sebaliknya. Hasil dari kajian ini menunjukkan kanak-kanak luar bandar juga sukakan buku-buku yang berlatar belakangkan masyarakat pertengahan yang merupakan ciri masyarakat bandar. Begitu juga kanak-kanak bandar, mereka menggemari buku-buku yang menceritakan latar belakang luar bandar.

Fraim (1977) telah membuat kajian untuk melihat minat membaca kanak-kanak lelaki sama ada stabil atau berubah-ubah. Beliau mendapati 8 daripada 12 kategori buku-buku masih menjadi kegemaran kanak-kanak lelaki iaitu cerita-cerita kehidupan di luar rumah, pengembalaan, sukan dan permainan, cereka sains, pengembalaan di laut, misteri, detektif dan peperangan.

Caroll (1977) menyatakan kanak-kanak perempuan menunjukkan sikap negatif terhadap jenis bahan bacaan sains, sedangkan kanak-kanak lelaki bersikap positif terhadap jenis bahan tersebut. Beliau juga membuat kesimpulan bahawa bahan bacaan jenis fiksyen realistik lebih popular daripada jenis bahan bacaan lain. Greaney (1980)

menunjukkan bahawa kanak-kanak perempuan memerlukan lebih banyak masa membaca buku, manakala kanak-kanak lebih suka membaca komik.

Farnan (1996) membuat kajian secara temu bual ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah juga mendapati bahan-bahan sastera seperti cerita-cerita romantik diminati kerana ia bersesuaian dengan jiwa remaja perempuan dan bahasanya mudah difahami. Terdapat juga pelajar yang meminati bahan sastera seperti puisi kerana kerap ia dipelajari dan dibaca di dalam kelas. Ini bermakna kekerapan sesuatu bahan didedahkan kepada pelajar, boleh menyebabkan minat wujud membaca dalam diri pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Lim Teh Eng (1974) yang bertajuk “Kajian Ke Atas Kebiasaan Membaca dan Minat Murid-murid Tingkatan 6 di Sekolah-sekolah yang pengantaranya Bahasa Inggeris dan Penggunaan Kemudahan Perpustakaan Sekolah”, murid-murid sekolah di negara ini lebih banyak membaca buku-buku teks dari buku-buku yang lain. Kajian yang dilakukan oleh Lim ini mendapati 89.32% sampelnya membaca buku teks hampir setiap hari dan hanya 3.56% yang jarang membaca atau tidak membaca langsung buku teks.

Tabiat membaca terhadap bahan bukan buku teks seperti fiksyen dan bukan fiksyen jauh lebih rendah. Beliau mendapati lebih ramai pelajar membaca majalah dan akhbar secara kerap berbanding dengan mereka yang membaca buku. Di sini menunjukkan tabiat membaca majalah dan akhbar adalah lebih menggalakkan berbanding dengan tabiat membaca buku. Bahkan tabiat membaca akhbar lebih mantap di kalangan pelajar-pelajar. Beliau juga mendapati tiada hubungan yang signifikan antara tabiat membaca buku teks, bukan fiksyen, akhbar dan jantina. Selain daripada itu didapati

pelajar perempuan lebih kerap membaca fiksyen berbanding pelajar lelaki yang lebih banyak membaca majalah.

Mohamad Harun (1982) telah membuat kajian “ Satu Tinjauan Mengenai Kegemaran Membaca Di Kalangan Murid-Murid Sekolah Menengah Di Bandar Tampoi. Kajian ini menggunakan 400 pelajar tingkatan dua dan tiga di sekolah tersebut. Tujuan kajian ini dibuat ialah untuk melihat kegemaran membaca, jenis buku-buku dan majalah-majalah yang dibaca oleh murid-murid tersebut. Kajian beliau mendapati sebahagian besar pelajar membaca buku teks (84.8%), diikuti oleh buku pelajaran tambahan (62.8%).

Satu kajian yang telah dijalankan oleh Atan Long (1984). Projek ini telah dibiayai oleh Yayasan Toyota. Sejumlah 15,054 responden yang berumur antara 15 hingga 50 tahun yang tidak termasuk dalam aliran pendidikan formal telah ditemu duga di Semenanjung Malaysia. Hasil kajian ini mendapati bahan yang menjadi pilihan untuk dibaca ialah kitab-kitab agama dan falsafah, novel percintaan, antologi cerpen, cerita keluarga, politik dan masyarakat, cerita-cerita rakyat, sains dan teknologi, cerita-cerita misteri, cerita-cerita jenayah dan detektif serta novel sejarah. Kajian beliau mendapati bahan bacaan yang popular di kalangan rakyat Malaysia ialah akhbar (97%), diikuti oleh majalah (67%) dan buku ( 42% ). Hasil kajian ini juga menunjukkan lebih untuk membaca cerita-cerita sukan, jenaka dan jenayah serta pengkhianatan, tetapi kurang keinginan membaca kisah-kisah cinta dan fiksyen sains. Sebaliknya subjek perempuan menunjukkan keinginan yang lebih untuk membaca cerita-cerita yang mempunyai unsur yang mendebaran tetapi kurang keinginan untuk membaca cerita-cerita sains sosial, politik dan sains serta teknologi. Kajian ini juga disokong oleh kajian Radzuan (1986)

yang mendebaran tetapi kurang keinginan untuk membaca cerita-cerita sains sosial, politik dan sains serta teknologi. Kajian ini juga disokong oleh kajian Radzuan (1986) yang mendapati guru-guru pelatih menjadikan akhbar sebagai bahan bacaan yang paling diminati.

Ridhuan (1986) yang mengkaji minat membaca di kalangan guru pelatih maktab perguruan menunjukkan jenis bahan yang paling digemari atau diminati ialah akhbar. Hal ini bertentangan dengan hasil kajian Kiran Kaur (1990) dan Jones (1986) yang mendapati lebih 60% respondennya kerap membaca buku cerita. Dindi (1989) dalam kajiannya mendapati 90% respondennya membaca bahan berkait dengan peperiksaan dan menyiapkan tugas. Dapatan beliau menguatkan lagi hasil kajian Mancall dan Prott (1979) yang mendapati ramai sampel kajiannya membaca bahan monograf dan buku teks berbanding dengan bahan lain.

Norma Alias (1989) (dalam Zaliha Yusof ,2000) kajiannya di Maktab Perguruan Semambu mendapati separuh sampel kajiannya tidak pernah menggunakan bahan rujukan akademik yang terdapat di pusat sumber maktab itu. Dapatan beliau bertentangan dengan hasil kajian Jean Johnson 1980 (dalam Rankin, 1988) yang mengkaji 101 pelajar Bahasa Inggeris di Washington mengenai bahan-bahan yang sering dibaca untuk membuat tugas. Beliau mendapati ensiklopedia dan beberapa jenis bahan rujukan lain merupakan bahan yang paling kerap dibaca.

Buku Kaji Selidik tabiat dan Minat Membaca Di Sabah, sediakan oleh Institut Kajian Pembangunan (sabah) dan Perpustakaan Negeri Sabah pada tahun 1992. Kajian ini dilakukan ke atas anggota masyarakat Sabah terutama yang telah meninggalkan alam persekolahan mereka. Daripada kajian tersebut, didapati bahawa akhbar merupakan

50.6% responden dalam tempoh enam bulan terakhir manakala seramai 48.3% responden telah membaca majalah atau jurnal dalam tempoh tiga bulan terakhir.

Kajian yang dijalankan oleh Arnasalam (1994) mendapati bahan bacaan yang kerap dibaca ialah akhbar (38.7%), majalah (33.9%) dan buku (27.4%), walaupun begitu sikap sampel kajian terhadap membaca yang dikaji menunjukkan sikap yang negatif iaitu 50.7% berbanding sikap positif terhadap membaca yang hanya 49.3% sahaja. Ini menunjukkan bahan yang dibaca oleh sampel kajian ini dipengaruhi oleh keadaan atau faktor tentu.

Berdasarkan dapatan kajian yang dinyatakan di atas terdapat pelbagai jenis bahan bacaan yang telah di baca oleh responden kajian. Oleh yang demikian kajian yang dijalankan ini cuba melihat, sama ada responden yang dikaji dalam kajian ini mempunyai minat membaca bahan yang sama dalam kajian yang dijalankan atau sebaliknya. Untuk tujuan itu, kajian yang akan dijalankan ini akan menggunakan sampel kajian, lokasi kajian, dan kaedah kajian yang berbeza daripada kajian yang telah dijalankan sebelum ini. Adakah terdapatnya persamaan dapatan kajian yang akan dijalankan dengan kajian terdahulu, walaupun responden, lokasi dan kaedah yang berbeza.

#### **2.4 Kajian Lalu Minat Membaca Berdasarkan Tujuan Membaca**

Berdasarkan dapatan kajian terdahulu yang berkaitan dengan minat membaca, didapati seseorang itu membaca dengan pelbagai tujuan tertentu. Kebanyakan tujuan tersebut adalah untuk memenuhi beberapa keperluan sama ada keperluan diri dan disebabkan sesuatu perkara, seperti membaca untuk tujuan menyiapkan tugas, menambah ilmu pengetahuan, keseronokkan, menghilangkan bosan, untuk membina

sahsiah diri, untuk mendapatkan keputusan cemerlang dalam peperiksaan, untuk mencari maklumat tertentu, untuk mengisi kekosongan masa lapang dan sebagainya.

Banyak kajian lalu dijalankan tentang tujuan membaca. Kajian yang dijalankan oleh Sahai S.N.(1971), Emans dan Patyle (1967), Gates Jennings (1961) dan Greenberg (1990), Safiah (1990) di dapati hampir keseluruhan kajian ini mendapati tujuan utama membaca untuk melanjut atau meluaskan pengetahuan. Apa yang menarik perhatian daripada kajian Gates dan Jeening (1961) ialah apabila beliau mendapati tujuan paling utama orang membaca ialah untuk memenuhi perasaan ingin tahu semula jadi manusia, untuk mendapat dan memahami maklumat yang jelas. Laporan Bullock (1975), Halimah (1989) dan

Faridah (1990) dalam kajian-kajian mereka mendapati pembacaan yang luas dan bertujuan rekreasi dapat membantu pelajar mendapat pandangan luas di samping menguatkan nilai murni dalam diri mereka. Samsiah (1991) dalam kajian di lima buah sekolah di Kota Bharu mendapati pembacaan yang luas bukan sahaja dapat meluaskan pengetahuan tetapi juga dapat mengatasi kelemahan buku teks.

Farnan (1996) membuat kajian secara temu bual ke atas pelajar-pelajar sekolah menengah tentang tujuan mereka membaca bahan-bahan kesusasteraan. Beliau mendapati terdapat beberapa tujuan pelajar-pelajar ini membaca bahan-bahan sastera walaupun sastera kadang-kadang mereka merasa bosan berbuat demikian. Hasil daripada temu bual, Farnan mendapati antara tujuan pelajar-pelajar ini membaca bahan sastera ialah untuk keseronokan dan untuk mendapatkan maklumat terkini pada masa yang sama, pelajar ini juga membaca untuk mendapatkan pengetahuan terbaru supaya tidak rasa tertinggal dan dapat memberi hujah dan idea sendiri apabila berbincang dengan kawan-

kawan. Pelajar-pelajar dalam kajian ini juga berpendapat melalui membaca seseorang itu akan merasa lebih bijak kerana mendapat buah fikiran yang baru tentang sesuatu perkara.

Raja Abdullah Yaacob ( 1988 ) menyatakan, hasil kajiannya menunjukkan antara tujuan orang membaca ialah mengenal budaya sesuatu bangsa, dari segi sikap, masalah dan cara hidup serta menghayati peranannya dalam masyarakat. Pengetahuan am yang diperolehi membolehkan mereka meningkatkan kebolehan membezakan, memperkayakan kualiti kehidupan, memahami dan menghargai idea orang lain (Hewett, 1960)

Kajian Greenberg (1990) dan Sahai S.N (1971) mendapati tujuan utama pelajar membaca juga bagi memenuhi minat rekreasi dan menghabiskan masa lapang. Sebelum itu Emans dan Patyle (1967) dalam kajiannya juga mendapati tujuan membaca ialah untuk rekreasi dan menikmati nilai-nilai estetika dalam sesuatu karya. Melalui aktiviti membaca pelajar dapat menikmati pengalaman luar biasa, terutamanya apabila mereka telah dapat mencapai tahap komunikasi yang berkesan, penglibatan yang maksimum terhadap idea, perasaan dan imaginasi pengarang (Heah, 1967).

Reid-Smith's (1965 dalam Mohamad Harun, 1982) sebaliknya menyatakan pelajar yang melanjutkan pengajiannya kurang membaca buku untuk keseronokan, tetapi menggunakan sepenuhnya senarai bahan bacaan untuk peperiksaan. Hasil dari kajian terhadap 815 orang pelajar sekolah menengah Lim (1974) mendapati hanya sebahagian kecil pelajar-pelajar membaca untuk rekreasi dan mendapat hiburan. Sebaliknya Jones (1986) dan Kiran Kaur (1990) mendapati ramai sampel kajiannya membaca buku-buku fiksyen untuk tujuan keseronokan.

Terdapat juga di kalangan pembaca buku yang melakukan aktiviti membaca bagi mendapat kepuasan emosi dan menenteramkan jiwanya dan seterusnya untuk memberi kesedaran, ketenteraman dan keselamatan (Raja Abdullah, 1988). Selain daripada itu Raja Abdullah juga menyatakan bahawa aktiviti membaca dilakukan untuk membantu seseorang individu membentuk nilai murni dan menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan intelek seseorang. Beliau juga mendapati melalui membaca pelbagai bahan di pusat sumber dapat membentuk sifat yakin diri dan berdikari dalam diri seseorang.

Halimah (1989), Laporan Bullock (1975), dan Faridah (1990) selanjutnya menambah pembacaan buku-buku cerita dan buku bacaan tambahan dapat menyemai nilai murni dan melatih mereka berani mengeluarkan pendapat, dan melatih mereka menghargai masa (Samsiah, 1991).

Hasil kajian lampau juga menunjukkan terdapat pertalian yang positif di antara minat membaca dengan tahap pencapaian akademik seseorang pelajar, Lim, (1974) menyatakan disebabkan sistem pendidikan di Malaysia yang menitikberatkan peperiksaan, maka implikasinya kebanyakannya pelajar-pelajar Malaysia membaca untuk memenuhi keperluan akademik khususnya untuk lulus dalam peperiksaan. Mereka mengambil masa 1 hingga 3 jam sehari untuk membaca.

Kenyataan-kenyataan ini di atas diperkuatkan lagi dengan dapatan-dapatan yang diperolehi oleh Sharon (1973), Greaney (1980) dan Muhamad Haron (1982) melalui kajian masing-masing yang menunjukkan pencapaian akademik yang lebih baik atau tinggi sangat berkait rapat dengan kekerapan membaca seseorang pelajar. Dapatan ini disokong oleh Hiscock (1986) yang mendapati pencapaian akademik bergantung pada

bilangan buku yang dibaca. Dapatan kajian ini bertentangan dengan hasil kajian Walker (1965), Elmyra (1970), dan Harkin (1971) yang mendapati tiada hubungan yang positif antara kekerapan membaca dengan pencapaian dalam peperiksaan, walaupun ramai pelajar membaca dan membuat tugas tugas rujukan untuk menyiapkan tugas (Samsiah, 1982; Rabiah, 1988; dan Dindi, 1989).

Hal ini mungkin disebabkan aktiviti membaca yang dilakukan hanya tertumpu pada buku teks. Pembacaan yang dikongkong oleh buku teks akan merendahkan pencapaian dalam ujian (Hussein, 1981). Ini kerana dengan hanya membaca pelbagai bahan bacaan dapat meninggikan kefahaman, menambahkan perbendaharaan kata dan penguasaan bahasa. Seterusnya akan membantu mereka menulis karangan (Lim, 1974; Mohamed, 1983; Siti Rohaya, 1989, Kiran Kaur, 1990).

Tujuan dan motif membaca akan menentukan jenis bahan yang digemari. Kajian-kajian yang dibuat oleh Andrew dan Easley (1959), Jesson-Dibley (1960), Shores (1964) menunjukkan bahan bacaan jenis cereka lebih diminati daripada bukan cereka. Manakala bahan bacaan jenis prosa lebih popular daripada puisi (Vaughan, 1963). Atan Long (1984) dalam suatu kajian secara menyeluruh terhadap bahan yang diminati, menunjukkan 97% daripada rakyat Malaysia membaca akhbar, 67% majalah dan 47% membaca buku.

Buku Kaji Selidik Mengenai Tabiat dan Minat Membaca Di Kalangan Siswa-siswi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia, telah dibuat ke atas sembilan buat IPTA di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Putera Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Kolej Tun Abdul

Rahman (TAR), Institut Teknologi Mara (ITM) pada tahun 1995. Kajian ini merupakan susulan kepada seminar tabiat membaca yang telah diadakan di Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat Institut Teknologi Mara. Daripada segi profil; membaca buku, didapati sebanyak 35.7% responden memilih membaca sebagai kegiatan lapang berbanding belajar (17.3%) dan bersiar-bersiar (15.7%). Buku pengetahuan am dan fiksyen jarang dibaca manakala buku nota paling kerap dibaca oleh responden. Kebanyakan responden memilih membaca dalam bahasa Melayu. Jika dibandingkan dari segi jantina pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki dalam aktiviti pembacaan.

Kajian yang dijalankan oleh Zaliha Yusoff (2000) yang bertajuk “ Minat Membaca Di Kalangan Pelajar Lelaki Tingkatan Empat Di SMK Seri Ampangan” mendapati punca pelajar lelaki dalam kajian ini mendapati untuk menambah pengetahuan sedia ada (96.7%), mendapatkan ilmu baru (95.0%), mencari maklumat dalam penulisan (93.3%), lulus peperiksaan (91.7%), mengisi masa lapang (83.3%) dan untuk mencari keseronokan (80.0%).

Berdasarkan dapatan kajian yang telah dijalankan di atas menunjukkan terdapatnya pelbagai-bagai tujuan seseorang membaca. Oleh itu kajian yang akan dijalankan ini akan melihat kebenaran dapatan kajian terdahulu mengenai tujuan membaca berdasarkan sampel, lokasi dan kaedah kajian yang berbeza daripada kajian yang dinyatakan di atas.

## 2.5 Kajian Lalu Minat Membaca Berdasarkan Faktor Atau Kekangan Yang Menghalang Minat Membaca.

Berdasarkan kajian terdahulu mengenai minat membaca, terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi minat membaca. Ini berdasarkan kepada kajian yang telah dijalankan. Menurut Thorndike (1940) mengatakan bahawa setengah bidang pelajaran mungkin tidak ada dalam senarai bacaan kanak-kanak yang lemah dalam pembelajaran, bukan kerana mereka tidak berminat tetapi disebabkan mereka tidak pernah mendapat bahan bacaan mengenai pelajaran tersebut.

Asare (1967) telah mengkaji tentang beberapa faktor yang mempengaruhi minat membaca, iaitu faktor-faktor kebudayaan, sosial, SES, IQ, jantina, umur dan jenis bahan bacaan. Beliau mendapati pelajar perempuan lebih minat membaca daripada pelajar lelaki.. Fenomena ini berkait rapat dengan tabiat pelajar lelaki yang tidak suka pergi ke pusat sumber kerana sifat mereka yang agresif, gelisah dan sukar mematuhi peraturan pusat sumber (Douglas, 1983).

Martin Deutsch (1964) telah mengatakan bahawa kanak-kanak yang tinggal di kawasan setinggan ke sekolah dengan persiapan yang berbeza dari anak-anak golongan menengah. Mereka mengalami kesukaran mengikuti kehendak-kehendak sekolah yang dibentuk mengikuti piawaian golongan menengah dan bantuan perlulah diberikan untuk merapatkan jurang kebudayaan ini. Begitu juga mengenai kanak-kanak yang lemah dalam pembelajaran.

Smith (1972) yang cuba melihat hubungan antara pemilihan bahan bacaan yang berbentuk cereka, mendapati murid-murid kurang meminati bahan-bahan yang bahasanya

sukarnya dibaca. Kesukaran bahasa dalam buku-buku tersebut ditentukan dengan menggunakan formula kebolehbacaan Flesch. Keputusan dari kajian ini menunjukkan murid-murid kurang menggemari buku-buku yang bahasanya agak sukar. Buku-buku yang mengandungi bahasa yang mudah difahami merupakan buku-buku yang sangat digemari oleh kanak-kanak.

Kajian yang telah dijalankan oleh Lim ( 1974 ) yang bertajuk “ Kajian ke atas Kebiasaan Membaca dan Minat Murid-murid Tingkatan 6 di Sekolah-sekolah yang pengantarnya Bahasa Inggeris dan Penggunaan Kemudahan-kemudahan Perpustakaan Sekolah”, mengkaji tentang tahap pembacaan dan hubungan dengan faktor kedudukan taraf sosial ekonomi (SES). Beliau mendapati terlalu sedikit kegiatan membaca dilakukan dalam keluarga berpendapatan rendah. Membaca sebagai kegiatan masa lapang hampir tidak dikenali. Beliau berpendapat minat umum individu menentukan tahap pembacaan, jumlah bahan yang dibaca dan tahap kegiatan membaca. Murid-murid sekolah di negara ini lebih banyak membaca buku-buku teks dari buku-buku yang lain, kerana ia mudah diperoleh dan juga bahan bacaan tersebut merupakan bahan bacaan yang terhampir dengan sampel kajian tersebut.

Katni (1978) telah mengkaji dari segi faktor-faktor yang mempengaruhi minat dan tabiat membaca. Beliau mendapati minat dan tabiat membaca dipengaruhi oleh latar belakang SES, jantina, umur, pendidikan, pekerjaan dan pendapatan, kawasan geografi serta kemudahan mendapat bahan bacaan. Hasil kajian beliau mendapati membaca untuk rekreasi dan kerana minat hampir tiada langsung di kalangan masyarakat luar Bandar dan berpendapatan rendah.

Kajian Atan Long (1984) sehaluan dengan dapatan di atas kerana beliau mendapati orang yang selalu membaca datang daripada keluarga yang taraf sosioekonominya tinggi.

Kajian yang dijalankan oleh Katni (1980) mendapati antara sebab-sebab mengapa pelajar-pelajar kurang tabiat dan minat membaca adalah berpunca daripada kelemahan pihak sekolah yang lebih menitikberatkan kepada kemahiran membaca, tetapi tidak kepada tabiat membaca. Akibatnya kebolehan membaca belum dapat menentukan peningkatan tabiat membaca murid-murid. Raja Abdullah (1988) dalam kajiannya menunjukkan 59% orang tidak membaca kerana tidak ada masa, 11% kerana menganggap kerja lain yang lebih penting. 10% sukar mendapat buku, penyebaran bahan bacaan tidak menyeluruh, kelemahan kaedah pengajaran, kelemahan pusat sumber dan sikap negatif terhadap membaca. Mereka ini kurang membeli bahan bacaan dan menganggap aktiviti membaca adalah proses yang terlalu intelektual dan beban yang mengambil masa (Safiah, 1990).

Sebaliknya Azman (1988) menyatakan kajian yang dijalankan di Barat menunjukkan televisyen dapat mengambil alih peranan buku, malah dapat meningkatkan minat membaca murid-murid, khususnya di peringkat sekolah rendah. Marshall (1994) dan Azman (1988) juga menyatakan walaupun rancangan televisyen banyak dan berunsur pendidikan, tetapi masyarakat masih banyak membaca. Mengikutnya lagi kekurangan aktiviti membaca adalah disebabkan guru tidak menanam tabiat membaca, kecintaan terhadap buku menurun, di samping mutu bacaan itu sendiri yang tidak cukup untuk mendorong minat membaca.

Schonell (1961) mendapati minat membaca dipengaruhi oleh faktor-faktor persekitaran rumah, tahap kecerdasan, kebolehan membaca, jenis aktiviti dan minat

pelajar dan panduan serta bimbingan guru. Greaney (1980) berpendapat ada 7 korelasi tabiat membaca iaitu umur, jantina, taraf SES, pencapaian ujian, ketahaman, kaedah mengajar, waktu pelajar menonton televisyen dan kemudahan memperoleh bahan bacaan. Safiah dan Khairiah (1976) mendapati minat membaca ditentukan oleh umur, kebolehan, kecenderungan dan latar belakang budaya.

Pandangan beliau adalah bertentangan dengan pandangan Heah (1990) yang melihat kepuasan dan keseronokan yang diperoleh daripada pembacaan akan meningkatkan minat individu untuk terus membaca. Ini seterusnya mendorongnya memilih aktiviti membaca sebagai kegiatan tabiat dan amalan untuk memenuhi segala tujuan. Greaney (1980) dalam kajiannya mendapati minat membaca tidak diberikan penekanan sewajar, kekurangan jelas dilihat dalam memupuk minat membaca di kalangan guru-guru, perancangan pendidikan dan penyelidik.

Hui (1981) mengkaji tentang aktiviti selepas waktu sekolah di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah, hanya 20% daripada responden mengatakan mereka melakukan aktiviti membaca selepas waktu sekolah. Sebaliknya responden lain menghabiskan masa selepas waktu sekolah dengan bersukan atau menyertai menghabiskan masa selepas waktu dengan bersukan atau menyertai persatuan dan kelab. Ini bermakna hanya sebahagian kecil pelajar sahaja yang melakukan aktiviti membaca dan berdasarkan kajian yang telah dijalankan di atas dapatlah dibuat satu kesimpulan bahawa minat membaca ini dipengaruhi oleh beberapa sebab.

Berdasarkan Marohaini Yusuff (1999) antara sebab yang mempengaruhi minat membaca ini disebabkan oleh intelektual, psikologi, fizikal, persekitaran dan faktor yang ada pada bahan tersebut. Faktor yang terdapat dalam intelektual ialah kecerdasan,

kebolehan berbahasa, pengetahuan dan pengetahuan sedia ada. Dari segi faktor psikologi pula ialah, minat dan motivasi, konsep diri. Dari segi fizikal pula ialah daya pendengaran dan daya penglihatan. Dari segi persekitaran pula ialah persekitaran yang terdapat di sekolah dan persekitaran yang terdapat di sekolah.

Berdasarkan penjelasan yang diutarakan oleh Marohaini ini jelas menunjukkan bahawa minat membaca seseorang itu disebabkan oleh beberapa faktor yang mempengaruhi minat membaca. Oleh yang demikian faktor ini boleh digunakan untuk menguji responden dalam kajian yang akan dijalankan.

Berdasarkan sumber dapatan kajian yang telah dijalankan di atas, wujudnya berbagai-bagai faktor atau kekangan yang menghalang minat membaca, oleh itu kajian yang akan dijalankan ini cuba melihat sama ada terdapatnya kebenaran kajian lalu yang mengatakan seseorang itu tidak minat disebabkan oleh beberapa faktor yang boleh menghalangnya untuk membaca. Untuk tujuan ketelusan kajian yang akan dijalankan, lokasi, sampel dan kaedah yang berbeza daripada kajian terdahulu digunakan.

## **2.6 Kajian Lalu Minat Membaca Berdasarkan Penggunaan Pusat Sumber.**

Pemilihan bahan-bahan bacaan tertentu menyebabkan sebahagian besar bahan-bahan yang terdapat di pusat sumber tidak digunakan sepenuhnya. Kajian Velasini (1984) di Singapura juga mendapati pusat sumber di sekolah-sekolah di negara itu tidak digunakan sepenuhnya. Banyak kajian lalu di Malaysia telah menunjukkan banyak pusat sumber sekolah tidak berfungsi. Oli (1981) dan Raja Abdullah (1984), dalam kajian

mereka mendapati banyak pusat sumber sekolah lengkap tapi tidak digunakan sepenuhnya, walaupun masa sesi membaca diperuntukkan.

Banyak kajian lalu dibuat tentang mengapa pusat sumber tidak digunakan. Library and Information Services Council (1984) mendapati kekurangan penggunaan pusat sumber bukan disebabkan kekurangan sumber atau kemudahan tetapi kerana kurikulum yang tidak menekankan penggunaan pusat sumber. Hagrasy (1962), Heather (1984), Best Ron et al.(1988), Beswick (1988) berpendapat kekerapan penggunaan pusat sumber berkait dengan peranan guru pusat sumber. Kajian Ahmadi Hasan (1988) dan Bilal (1988) mendapati kekerapan penggunaan pusat sumber berkait dengan kemahiran maklumat yang dikuasai. Sebaliknya Wan Nor Saadah (1990), Halimah (1986) mendapat kekerapan penggunaan pusat sumber berkait dengan tabiat membaca. Ini kerana pelajar akan kerap menggunakan pusat sumber, jika terdapat sesuatu yang dapat memenuhi minat dan kegemaran mereka. Bagi meningkatkan minat membaca, pusat sumber perlu mencipta suasana membaca dan cuba memenuhi keperluan pelajar untuk mendapatkan maklumat (Irving, 1985; McKenzic dan Warlow, 1977).

Carnorsky (1973) seterusnya mengesyorkan bahawa untuk meningkatkan pembacaan bahan di pusat sumber dapat dilakukan dengan mengetahui bahan bacaan yang diminati oleh pelajar, dengan ini bahan-bahan tersebut boleh memenuhi minat membaca mereka.

Lim ( 1974 ) mengkaji tabiat membaca murid dan kaitannya dengan penggunaan Pusat Sumber. Kajian beliau melihat antara lain hubungan jantina, bangsa, penghususan dan kemahiran bahasa dengan masa yang diperuntukkan, kekerapan aktiviti membaca, keutamaan bahasa pengantar bahan, kekerapan menggunakan pusat sumber dan

meminjam bahan dari pusat sumber. Beliau mendapati tiada hubungan yang signifikan di antara masa yang diperuntukkan untuk aktiviti membaca dengan kemudahan kelengkapan pusat sumber. Walau bagaimanapun ada hubungan yang signifikan antara masa yang diperuntukkan untuk membaca dengan kemudahan mendapatkan bahan. Di sini bermaksud pelajar akan lebih banyak membaca jika mudah mendapatkan bahan.

Taylor (1960) telah menjalankan kajian secara komparatif tentang penggunaan di empat buah maktab perguruan. Kajian ini diasaskan kepada maklumat yang dikumpulkan berdasarkan jumlah buku yang dipinjam untuk satu semester, purata pinjaman dan kaitannya antara pengkhususan dan jantina. Line (1966) menjalankan tinjauan tentang penggunaan buku dan pusat sumber oleh pelajar di lima buah maktab perguruan dengan tujuan untuk mencari setakat mana pusat sumber digunakan untuk pinjaman, bilangan jam yang diperuntukkan untuk pusat sumber.

Semua aspek ini dilihat hubungan dengan jantina, jenis kursus dan semester. Ling dan Wong (1969) mengkaji penggunaan pusat sumber dan kaitannya dengan keberkesanan program pengajaran penggunaan pusat sumber di maktab-maktab. Kajiannya juga cuba melihat keberkesanan kursus pengajaran pusat sumber, program kemahiran pengurusan maklumat dan hubungannya dengan kemahiran menggunakan pusat sumber.

Kajian lepas juga melihat kekerapan penggunaan mengikut jantina. Antara lain Jamali (1990), Samsiah (1991) dalam kajian-kajian yang dijalankan mendapati tiada perbezaan yang signifikan antara kekerapan penggunaan pusat sumber antara pelajar lelaki dengan perempuan. Dapatan beliau menguatkan lagi dapatan Nor Azimah (1990),

Asare (1967), Halimah (1988), Lim (1989) yang juga mendapati pelajar perempuan lebih kerap menggunakan pusat sumber.

Dalam kajian Atan Long (1984), peranan perpustakaan sebagai sumber untuk mendapatkan bahan bacaan didapati pada tahap minimum. Kebanyakan perpustakaan didapati kecil dan terletak di kawasan Bandar. Bilangan rakyat Malaysia yang menjadi ahli perpustakaan pula ialah hanya 0.028% iaitu 28 orang bagi setiap 100,000 orang. Bagaimanapun kajian Katni (1978) mendapati adanya kemudahan perkhidmatan perpustakaan mempunyai pertalian yang signifikan dengan bilangan buku yang dibaca. Dapatan ini sama dengan penemuan Sikiotis (1981) yang mendapati kekurangan kemudahan perpustakaan bukan sahaja membuat pelajar di Greece tidak membaca, malahan 27% daripada pelajar kelas Gymnasium (umur 12 hingga 14 tahun) tidak tahu bahawa perpustakaan di tempat mereka meminjamkan buku kepada penggunanya.

Berdasarkan sumber dapatan kajian yang telah dijalankan di atas, menunjukkan perpustakaan atau pusat sumber memainkan peranan dalam membantu meningkatkan minat membaca, oleh itu kajian yang akan dijalankan ini cuba membuktikan kebenaran kajian yang telah dijalankan terdahulu mengenai kebenaran yang mengatakan perpustakaan dapat membantu minat membaca seseorang.

## 2.7 Kesimpulan

Bab ini melihat kajian lalu berdasarkan bahan bacaan yang diminati, tujuan kajian dijalankan, faktor yang menghalang minat membaca dan peranan pusat sumber atau perpustakaan dalam membantu meningkatkan minat membaca. Oleh itu kajian yang akan dijalankan ini cuba melihat kebenaran kajian terdahulu dengan cara atau gaya yang

berbeza daripada kajian sebelumnya. Untuk memperlihatkan ketelusan kajian yang akan dijalankan ini lokasi, sampel dan kaedah yang berbeza digunakan dalam kajian ini. Secara tidak langsung kajian lalu ini membantu memperbaiki kajian yang akan dijalankan